



LAPORAN LIPUTAN MEDIA RABU / 30 MEI 2018

- 1. BERAS NEGARA**
 - BERITA HARIAN

- 2. TEKNOLOGI PENGURUSAN MAMPAN**
 - BERITA HARIAN

**DISEDIAKAN OLEH:
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)**

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : 30 MEI 2018 (RABU)
PERKARA : PERTANIAN

SPM Tel: 1-300-22-6787 Faks: 03-2056 7081 PP 8107/04/2013 (032337)
NO. 778

RABU
30 05
2018

BH SKOR
bhskor@bh.com.my

\$ 28 - 31 UJIAN PERCUBAAN Kimia (Kertas 2)
\$ 32, 49 - 53 UJIAN PERCUBAAN Fizik (Kertas 2)

MEMBIMBING KE ARAH KEMAHIRAN BERFIMIR ARAS TINGGI (KBAT)

Proses penanaman padi
Proses menuai padi
Proses daripada padi menjadi beras
Beras untuk dijual

BERAS NEGARA

➔ Industri mampu menjana pendapatan memanfaatkan pesawah, pekilang, pemborong

Oleh **Mohd Khairul Anam Md Khairudin**
khairul.anam@bh.com.my

▸ **Serdang**

Pengeluaran beras tempatan perlu dipertingkatkan bagi memastikan bekalan makanan berkenaan sentiasa mencukupi memandangkan beras adalah makanan ruji penduduk berbilang kaum di negara ini.

Malah, berdasarkan permintaan beras yang tinggi, industri itu berpotensi untuk terus dikomersialkan, sekali gus mampu menjana pendapatan yang baik kepada pesawah, pengilang dan pemborong secara menyeluruh.

Ketua Program Penyelidikan Strategik Padi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohd Razi Ismail, berkata pihaknya sudah menjalankan banyak kajian berimpak tinggi bagi menghasilkan inovasi baharu yang berupaya meningkatkan hasil padi sejak tahun 2011.

S26

Layari www.FullAMark.com.my untuk melanggan bagi mendapatkan lebih banyak **soalan SPM**

Isu Semasa

Teknologi pengurusan mampan



○ Dari muka S25

Penghasilan varieti padi baharu perlu ditingkatkan supaya pesawah tidak sekadar bergantung kepada varieti padi lama sahaja"

Prof Dr Mohd Razi Ismail
 Ketua Program Penyelidikan Strategik Padi, UPM

Beliau berkata, penyelidikan dan pembangunan (R&D) berterusan itu bertujuan meningkatkan sosioekonomi petani menerusi teknologi pengurusan mampan dan penghasilan varieti baharu.

Katanya, kadar penghasilan varieti padi baharu di negara ini adalah rendah dengan langkah mewujudkan konsortium yang menggabungkan pakar pembikbakaan varieti padi sedia ada bagi tujuan penghasilan varieti padi baharu. "Kami juga menjalankan sistem pertanian persis atau *precision agriculture* antaranya melalui Inovasi Teknologi PadiU Putra. Ini termasuk menggunakan pesawat tanpa pemandu (dron) untuk memudahkan

pemetaan serta pengurusan kawasan padi yang luas.

"Teknologi ini membantu pengurusan kawasan padi secara bersepadu yang efektif dan dapat meningkatkan masa serta tenaga dalam usaha memantau prestasi pertumbuhan padi secara menyeluruh," katanya kepada BH Skor, baru-baru ini.

Kekangan hasil

Menjelaskan lebih lanjut, Prof Mohd Razi berkata, terdapat beberapa faktor dan kekangan yang menyebabkan negara masih mengimport beras walaupun memiliki kawasan sawah padi yang luas.

Katanya, perkara itu didorong oleh faktor tahap pengeluaran per unit kawasan yang rendah, sistem pengurusan yang kurang cekap dan perubahan cuaca



Antara benih padi dan racun yang dihasilkan Fakulti Pertanian UPM.

yang tidak menentu.

Beliau mengakui kuantiti tanaman padi turut dipengaruhi faktor kualiti tanah yang subur dan pengurusan sawah yang efektif membabitkan pesawah serta agen pembangunan.

"Tidak dinafikan banyak bantuan seperti teknologi dan benih disalurkan kerajaan bagi membantu pesawah meningkatkan hasil padi, namun lebih penting bimbingan berterusan khususnya membabitkan pengendalian teknologi baharu serta terkini.

Peranan BERNAS

"Menerusi projek PadiU Putra yang dijalankan di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara (KADA KETARA), Besut, Terengganu, kami melihat pengeluaran padi meningkat dan pesawah sangat gembira apabila diperkenalkan dengan inovasi dan teknologi baharu yang dapat membantu

mereka menambahkan pendapatan," katanya.

Sementara itu, Pengerus Kanan Unit Projek Perladangan dan Bekalan Wilayah Pantai Timur, Encik Mat Sheak Salleh, berkata Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) menjalankan kerjasama dengan beberapa agensi lain seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) bagi meningkatkan hasil dan kualiti padi.

Katanya, inisiatif dijalankan, termasuk melalui projek kontrak perladangan membabitkan 15 pesawah di Terengganu dan Kelantan. "BERNAS sentiasa membantu pesawah dalam penanaman padi mengikut Amalan Pertanian Baik, malah, pelbagai bantuan diberikan bagi membolehkan mereka meningkatkan hasil tanaman seperti khidmat nasihat, pemberian baja, benih, racun dan kursus penanaman padi dengan berkesan," katanya.

Interaktif



Kefahaman
 mengenai proses menghasilkan beras ini mampu menyuntik sikap pelajar supaya menghargai jasa dan pengorbanan insan bergelar petani"

Wan Ariff Fikri
Wan Hazizi
 Pelajar Tingkatan Lima Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Kuala Lumpur



Pendedahan ini dapat memupuk sikap murni pelajar supaya mengelakkan pembaziran seiring slogan sebutir beras ibarat setitis peluh petani"

Murni Syahida
Mohd Salahudin
 Pelajar Tingkatan Lima SMKA Kuala Lumpur



Prof Dr Mohd Razi menunjukkan benih padi dihasilkan yang mampu mengekang penyakit karah.

Tadau Kaamatan tanda Kadazandusun, Murut hargai hasil padi

Kuala Lumpur: Pesta Kaamatan atau Tadau Kaamatan yang diraikan masyarakat Kadazandusun dan Murut (KDM) di Sabah pada hari ini sebagai tanda hargai hasil padi, di samping menjadi platform untuk mengetengahkan etnik dan kebudayaan masyarakat KDM serta etnik lain.

Pengarah Bahagian Sosiobudaya dan Warisan Persatuan Kebudayaan Kadazandusun (KDCA),

Dr Tindarama Benedict Topin, berkata Kaamatan adalah merujuk kepada tempoh penuaian padi dan membabitkan satu siri ritual tradisi masyarakat tertentu.

Beliau yang juga Pengerusi Unit Koisan Kadazandusunologi berkata, Kaamatan juga berasal daripada perkataan omot atau mongomot dalam bahasa Kadazandusun yang bermaksud menuai padi dengan alat tertentu seperti

lingaman atau katam.

"Pesta Kaamatan kebiasaannya diraikan dengan upacara mogaikan yang bermaksud kenduri yang menjadi antara elemen penting dalam acara dianjurkan.

Perayaan rasmi

"Sebelum istilah Kaamatan ini wujud, sambutan keramaian selepas menuai padi dikenali sebagai mogaikan dan



Dr Tindarama Benedict Topin

kebiasaannya disambut ahli keluarga atau penduduk kampung selepas melakukan ritual semangat padi dikendalikan oleh bobolian atau bomoh Kadazandusun," katanya kepada BH Skor, baru-baru ini.

Menjelaskan lebih lanjut, Dr Benedict berkata, Kaamatan kini bukan setakat perayaan khusus masyarakat KDM, malah menjadi sambutan penting masyarakat berbilang kaum

di Sabah, sekali gus menggerakkan lagi perpaduan rakyat di negeri itu.

"Kaamatan disambut secara rasmi pada peringkat negeri Sabah iaitu sejak tahun 1960 apabila pihak kolonial British mengiktirafnya sebagai satu perayaan rasmi sebelum diteruskan kerajaan yang mengambil alih pemerintahan Sabah selepas merdeka pada tahun 1963," katanya.